



Lembaga Sungai-Sungai Sarawak mempelawa pemohon daripada warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan, yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1.	Jawatan	:	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N19		
	Bil. Iklan	:	01/2022		
	Bil. Kekosongan	:	Tiga (3) kekosongan		
	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana		
	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan		
	Jadual Gaji	:	<u>Gred Gaji</u>	<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
			N19	RM1,352.00	RM 4,003.00
	Taraf Jawatan	:	Tetap / Jawatan Berasaskan Caruman		
	Tempoh Percubaan	:	1 hingga 3 tahun		

Syarat-syarat Lantikan :

- A. Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan: RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,408.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM1,464.80).
- B. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- C. Syarat Kenaikan Pangkat Secara lantikan:-
- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbang untuk PSL ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
- (a) (i) mempunyai kelayakan seperti syarat-syarat lantikan di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur perlantikan
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19 adalah tertakluk di bawah Skim Perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuaasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Cara Memohon:

- i. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Untuk Jawatan Kosong LSS (Borang – Pindaan 1/06) yang boleh didapati di Pejabat Lembaga Sungai-Sungai Sarawak. (Pembelian borang tersebut adalah mulai jam 8.30 pagi – 1.00 tengahari)
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Kelahiran, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil-sijil Persekolahan dan Akademik serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang disahkan.
- iii. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama salinan-salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Prestasi yang disahkan.
- iv. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon.

7. Catatan Am:

- i. Permohonan yang berikut tidak akan dipertimbangkan:-
 - a. tidak lengkap;
 - b. tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan; dan
 - c. diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan.
- ii. Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- iii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

8. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

**CONTROLLER,
LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK
TINGKAT 2, ELECTRA HOUSE,
POWER STREET, 93000 KUCHING**

TARIKH TUTUP : 15 JULAI 2022 (JUMAAT)